



Tauke jamu

» Tun Nurul Huda jual produk kecantikan warisan keluarga

Oleh Siti Nur Almizan Aripin
sitinurmizan@bh.com.my

Bertemu dengan ibu cantik ini, ceritanya hanya berkisar miengenai Jamu Ratus Warisan yang menjadi amalan sejak berusia 15 tahun.

Bekas pengacara rancangan bual bicara TV AlHijrah, Tun Nurul Huda Abdul Rahim, berkata Jamu Ratus Warisan dihasilkan daripada resipi jamu turun-temurun amalan

keluarganya sejak lebih 40 tahun dulu.

Isteri kepada pakar motivasi bebas, Dr Tengku Asmadi Tengku Mohamad, berkata bertitik tolak daripada khasiat itu, beliau mula mengamalkannya sejak remaja dan akhirnya mendorongnya berkongsi kebaikan jamu yang diperbuat dari campuran lebih 30 herba ini dengan orang lain.

Ceritanya, generasi terakhir menghasilkan jamu turun-temurun itu dalam keluarga adalah ibu saudaranya sendiri.

"Saya mengamalkan jamu buatan ibu saudara ketika berusia 15 tahun. Saya memang suka herba tradisional. Bagi saya, khasiat herba tradisional sangat hebat dan tiada tandingannya dengan ubatan moden. Apabila rakan bertanya mengenai amalan kecantikan dan kesihatan, saya bercerita saya adalah pengamal jamu."

PROFIL

Tun Nurul Huda Abdul Rahim

- ◎ Umur: 30 tahun
- ◎ Asal: Perak
- ◎ Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer, Universiti Putra Malaysia (UPM)
- ◎ Suami: Dr Tengku Asmadi Tengku Mohamad, 49.
- ◎ Anak: Tengku Puteri Qaisara, 10; Tengku Imran Daniel, 6 dan Tengku Amnan Hafizeen, 6 bulan.



Tun Nurul Huda sentiasa menjaga kesihatan sejak zaman remaja. [FOTO NIK ROSLI ISHAK / BH]



"Mereka teruja lalu mencuba jamu hasil air tangan ibu saudara saya itu dan merasai kesannya, ia akhirnya menjadi buah mulut," katanya sambil memberitahu, pengamal jamu perlu konsisten untuk mendapat kesan yang diidamkan.

Beliau berkata, perniagaan Jamu Ratus Warisan mula dipasarkan secara serius sejak April tahun lalu bermula dengan ramuan asalnya, jamu dalam

bentuk serbuk.

"Empat tahun menjualnya dalam bentuk serbuk tradisional dan ia mendapat sambutan baik, lantas kami sepakat mengeluarkan jamu ini dalam bentuk cecair dengan nama Jamu Ratus Warisan Plus. Alhamdulillah, ia mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan bagi kategori makanan tambahan, sekali gus meyakinkan pengguna untuk mengamalkannya," katanya.



© Dari muka 6

Buka peluang suri rumah berniaga

Ketika ditanya, apakah kebaikan Jamu Ratus Warisan, Tun Nurul Huda yang setia ditemani suami di sisi berkata, kandungan utama jamunya adalah kacip Fatimah, manjakan, lada ekor, cili pintal, bunga pakma dan campuran herba terpilih yang lain.

"Kita semua tahu, bahan herba itu diamalkan sejak turun-temurun bagi membantu meningkatkan kesihatan dalaman badan seperti memberi tenaga, membantu memulihkan masalah kepuitan bagi wanita, mencantikkan bentuk badan, mengembalikan keanjalan payu dara dan jamu ini sesuai untuk ibu selepas bersalin."

Mahu tembusi pasaran serantau

"Ibu menyusu yang mengamalkan Jamu Ratus Warisan juga boleh melihat perubahan ketara apabila susu ibu bertambah. Jamu yang diadun dengan kasih sayang ini sesuai untuk wanita dan lelaki," katanya.

Selain itu, dalam setiap peket Jamu Ratus Warisan Plus turut ditambah khasiat madu lebah, bunga Za'farhan dan garam bukit, diadun dengan air Zamzam yang ditulis 6,236 ayat Quran menggunakan Za'farhan

serta dibacakan 30 juzuk al-Quran.

Sebagai pengasas merangkap perunding produk, Tun Nurul Huda berkata, pihaknya optimis dengan formulasi bahan Jamu Ratus Warisan dan berharap menembusi pasaran negara serantau dalam masa terdekat.

"Sehingga kini, produk kami sudah memasuki pasaran Singapura, Brunei dan dalam perancangan untuk ke pasaran Indonesia

sia," katanya.

Cara hargai pelanggan

Tidak muah mensia-siakan peluang, Tun Nurul Huda berkata, pihaknya kini mempunyai kira-kira 60 ejen Platinum dan 150 ejen berada di bawah mereka bagi pasaran seluruh Malaysia dan negara serantau.

"Jualan melalui ejen adalah cara kami menghargai pelanggan yang mana kategori ejen kami ialah ejen biasa, Perak, Emas dan Platinum. Mereka boleh mendapat keuntungan jualan antara 15 hingga 40 peratus.

"Istimewanya, ejen Platinum yang perlu menge luarkan modal sebanyak RM7,200 berpeluang mendapat pakej umrah secara percuma jika berjaya menjual 2,500 kotak Jamu Ratus Warisan Plus dalam tempoh enam bulan," katanya.

Selain produk jamu, Jamu Ratus Warisan turut memasarkan produk makanan tambahan lain seperti Kopi Pegaga Warisan, produk minda JuzQ30 dan set penjagaan wajah rangkaian JRW.



Ibu muda berdikari

Bergelar isteri pada usia muda, Tun Nurul Huda yang kini berusia 30 tahun mengaku, tidak berdepan masalah memegang gelaran isteri pada usia muda, ketika itu 20 tahun.

"Tidak dinafikan, pada mulanya sukar sebab suami 19 tahun lebih tua daripada saya. Dia matang dan saya masih muda, jadi beliau harapkan saya mengikut saja cakapnya tapi lama-kelamaan, ia jadi kebiasaan," katanya.

"Mempunyai seorang suami yang kini menjadi milik masyarakat menjadikan saya isteri dan ibu yang matang. Saya harus faham kerja suami yang sentiasa sibuk, malah masa beliau sangat terhad apabila bersama kami. Saya perlu lebih banyak berdikari, menguruskan anak ketika ketidaan suami dan sentiasa menjaga kehormatan suami yang menjadi idola masyarakat," kata isteri kepada Dr Tengku Asmadi.

Bagi mengisi masa terluang, Tun Nurul Huda sering menziarahi ibu bapanya yang tinggal di Bandar Baru Bangi, Selangor dan menghabiskan masa melayan keren na pengedaran produknya yang sentiasa memerlukan khidmat yang lebih dekat dengan beliau.

"Pelanggan hanya perlu masuk ke laman web kami www.jamuratuswarisan.com atau www.juzq30.com dan membuat tempahan seperti biasa. Ini juga cara termudah bagi wanita atau suri rumah yang hendak menambah pendapatan," katanya.

Rezeki bertambah

"Alhamdulillah, sejak kelahiran anak ketiga kami enam bulan yang lepas, rezeki semakin melimpah-ruah. Produk baru untuk syarikat kami juga semakin bertambah. Testimoni pelanggan juga semakin meriah dan mengujakan. Mungkin ini hikmah

dari ujian Allah SWT selepas saya berperang dengan kesakitan yang amat sangat ketika melahirkan Tengku Amnan Hafizeen, 6 bulan, seberat empat kilogram secara normal," kata.

Beliau mempelawa wanita supaya turut mencuba produk keluaran Jamu Ratus Warisan terutama produk paling laris mereka iaitu Jamu Ratus Warisan Plus dan Kopi Pegaga Warisan.

"Sebagai wanita, kecantikan dan kesihatan perlu diambil berat dari awal remaja. Pemakanan jamu bukan untuk kesan masa sekarang saja, tetapi untuk jangka masa panjang. Apabila kita semakin tua, anak semakin ramai, ketika itulah kita nampak bezanya mereka yang mengamal jamu dengan mereka yang tidak mengamal jamu," katanya.



Tun Nurul Huda bersama keluarga ketika bercuti ke Bandung, Indonesia.